

# Universiti, industri saling memerlukan

B.H 21/06/07 M/S 10

Oleh Sabri Ahmad

**U**NIVERSITI dan industri bagai isi dan kuku – dua entiti berasingan tetapi saling memerlukan. Hubungan kedua-dua pihak wujud seiring dengan kewujudan universiti moden menerusi pelbagai bentuk program kerjasama. Bagaimanapun, kerjasama berkenaan tidak banyak diketahui umum dan sering tidak menjadi bahan menarik untuk penerbitan media. Ini disebabkan kurangnya pendedahan terhadap kepentingan hubungan kerjasama itu.

Sehubungan itu, Kementerian Pengajian Tinggi dan universiti tempatan – awam (IPTA) dan swasta (IPTS) – memulakan pelbagai inisiatif bagi mewujudkan hubungan lebih akrab dan simbiosis antara industri dan akademik.

Ketika ini banyak kerjasama terjalin seperti penempatan pelajar dan pensyarah menjalani latihan industri. Ini membolehkan pelajar menyediakan diri untuk me-

mahami selok-belok pekerjaan, memantapkan kemahiran teknikal dan budaya kerja industri.

Selain itu, pihak industri sering dijemput memberi pandangan bagi menambahbaik kurikulum ke arah meningkatkan kualiti graduan. Sebagai contohnya, Kementerian mengambil langkah memanjangkan tempoh pelajar menjalani latihan industri daripada 10 minggu kepada enam bulan. Tempoh berkenaan dipanjangkan selepas mengambil kira pandangan industri bagi melahirkan graduan yang mahir dan terlatih.

Menerusi kerjasama itu, universiti dapat mengeluarkan graduan yang diperlukan dari segi kualiti dan kuantiti bagi memenuhi permintaan tenaga kerja mahir dalam pelbagai bidang. Dalam bidang teknologi maklumat sebagai contoh, permintaan pasaran kerja dijangka meningkat kepada 100,000 tenaga kerja mahir menjelang 2010.

Hubungan kerjasama universiti dan industri tidak lagi terhad kepada syarikat di

dalam negara. Industri di seberang laut menunjukkan minat dan membuka peluang kepada pelajar dan pensyarah universiti tempatan menjalani latihan industri di negara mereka.

Beberapa universiti mula menghantar pelajar mereka keluar negara untuk menjalani latihan industri. Universiti Teknologi Malaysia (UTM) sebagai contoh menghantar pelajar ke China dan Asia Barat bagi menimba pengalaman. Selain itu, atas inisiatif KPT dan Perbadanan Pembangunan Multimedia (MDeC), seramai 93 orang pelajar serta tujuh pensyarah kejuruteraan dan teknologi maklumat dan komunikasi dari pelbagai universiti sedang menjalani latihan di Infosys, syarikat komputer ternama di India selama empat bulan berakhir bulan depan.

Penghantaran pelajar ke luar negara untuk menjalani latihan bukanlah perkara baru. Awal tahun 1980-an, UTM pernah menghantar pelajar kejuruteraan petroleum menjalani latihan industri di Indonesia

# ikan

dan beberapa buah negara di Timur Tengah.

Selain itu, pihak KPT telah memastikan kerjasama lebih produktif terjalin dengan industri dalam proses mewujudkan kursus baru dan menambah baik aktiviti pengajaran dan pembelajaran. Ini dilakukan menerusi perlantikan pakar dari industri dalam jemaah penasihat. Selain itu, pembabitatan institusi profesional juga menjadi satu keperluan.

Dalam bidang kejuruteraan misalnya, pembabitatan aktif memang diperlukan daripada Institut Jurutera Malaysia (IEM), Lembaga Jurutera Malaysia (BEM) dan Lembaga Pembangunan dan Industri Pembinaan (CIDB) menyemak silibus baru atau peningkatan setiap tiga tahun agar sesuai dengan keperluan semasa.

Berdasarkan maklum balas daripada badan-badan profesional itu, maka Kementerian mengambil keputusan mengubah tempoh latihan industri pengajian pelajar peringkat sarjana muda dalam bidang kejuruteraan daripada 10 minggu kepada satu semester.

Inisiatif kerjasama akademia-industri ini akan terus dipertingkatkan. Kementerian telah mengarahkan semua IPTA menubuhkan pusat sehati untuk tujuan itu. Di UTM misalnya, kerjasama industri dan akademia telah dijalin menerusi menubuhkan pusat sehati yang dikenali sebagai Program Pengembangan Teknologi Universiti-Industri (UNITAP) pada 1995. Penubuhan UNITAP bertujuan memperkukuhkan lagi kerjasama dalam bidang R&D, perundingan, pengurusan projek, geran penyelidikan dan harta intelek. Program berkenaan membabitkan pelbagai syarikat multinasional dan industri kecil dan sederhana seperti Proton, Petronas, Esso, Shell, Intel, Silterra, Perwaja, Mara dan Flextronic.

Menerusi pusat sehati ini, hubungan industri-akademia dijangka turut menjurus kepada kerjasama penghasilan produk dan pengkomersialan. Selain itu, skop kerjasama dijangka akan diperluas merangkumi sumbangan industri dalam pelbagai bentuk seperti penajaan makmal, dana R&D dan peluang latihan lebih intensif kepada pelajar.

Semua bentuk kerjasama ini tidak mungkin terhasil sekiranya Kementerian dan universiti tidak mengambil langkah proaktif bersama-sama pihak industri untuk menjalin hubungan erat dan bersepadu dalam menjayakan hasrat kerajaan membangunkan modal insan berkualiti menyahut cabaran semasa. Ia juga sebagai langkah strategik membina reputasi dan kekuatan institusi menjadikan Malaysia sebagai hab pengajian tinggi rantau ini.